

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
WASIAT KHAIRIL ALBRECHT BIN ABDULLAH**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah ditanya berkenaan wasiat Khairil Albrecht bin Abdullah yang telah meninggal dunia dan didakwa telah bertukar kepada agama asalnya iaitu kristian. Jawatankuasa ditanya berkenaan bagaimana dengan wasiatnya.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara. (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam.
- 2.2. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Agama Islam yang telah diadakan pada 23 Mei 1991 dengan sebulat suara mengambil keputusan adalah seperti berikut :

1. Bahawa Khairil Albrecht bin Abdullah yang menukar agamanya kepada Kristian melalui surat sumpah pada 18 November 1988 dihadapan K. Satihaseelan P.P.N. (pesuruh Jaya Sumpah Kuala Lumpur) dan pengistiharan akhbar adalah tidak sah, dan begitu juga iklan surat khabar tidak boleh diterima kerana ia tidak ada yang khusus dan di dalam hukum Syara' penyaksian sumpah disaksikan oleh orang bukan Islam adalah tidak sah.

Oleh itu, Khairil Albrecht bin Abdullah semasa matinya masih lagi memegang kad Islam yang dikeluarkan oleh PERKIM No. D 0012/86 sebagai orang Islam yang sah seperti mana yang didaftarkan.

2. Wasiat yang dibuat oleh simati dikira sah oleh hukum Syara', Nasnya :

" تصح الوصية من المسلم وغيره ، لأنها نوع
من البرء ، وهو موقوف فيه في كل الأديان ،
وتجوز كما بينا وصية المسلم للكافر ، والكافر
للمسلم . "

Ertinya :

" Sah wasiat daripada orang Islam dan yang bukan Islam, kerana wasiat itu adalah satu jenis kebajikan, dan ia perkara yang disukai (digalakkan) dalam sekalian agama, dan harus hukumnya sebagaimana yang telah kami terangkan dahulu wasiat orang Islam kepada orang kafir dan wasiat orang kafir kepada Islam ".

(Rujuk Kitab **الفقه الاسلامي وادلته**

karangan **الدكتور وهبة الرخيلي** Juzuk ke 8 muka surat 58).

3. Wasiatnya di kira sah tetapi yang harus (boleh) diberikan hartanya kepada orang yang wasiatnya itu tidak boleh lebih daripada 1/3 (satu pertiga) dari harta yang ditinggalkan dan baki lagi hendaklah diserahkan kepada Baitulmal

Nasnya :

“ فاذا لم يوجد احد من الورثة ، في الدرجة والرتبة التي ذكرناها توضع التركة في الخزانة العامة ، لمصلحة المسلمين ، اي في (بيت مال المسلمين) •

Ertinya :

" Maka apabila tidak didapati seorang pun daripada waris pada darjat dan susunan yang telah kami sebutkan, maka hendaklah diberikan harta peninggalan itu dalam khazanah ammah bagi orang Islam ertinya dalam Baitulmal orang Islam :.

(Rujuk Kitab **المواريث في الشريعة الاسلامية**
في ضوء الكتاب والسنة

karangan **محمد علي الصابوني** •

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 23 Mei 1991.

Keputusan Fatwa ini telah dipohon diwartakan dalam warta Kerajaan. Surat memohon warta kepada YB Penasihat Undang-Undang telahpun dibuat pada 7 September 1992 dengan fail rujukan Bil(40) JAIS. 8014/7 Jilid 1.